



KENYATAAN MEDIA

OPS CANTAS KHAS TONTO

1. Hasil perancangan dan risikan selama 3 bulan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara Pasukan Tindakan Khas (PTK) Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Unit Kongsi Gelap (D7) Polis Diraja Malaysia (PDRM), satu operasi yang dinamakan sebagai Ops Cantas Khas Tonto telah mula digempur sejak 26 April 2016.
2. Gabungan kerjasama penguatkuasaan antara PTK dan D7 yang merupakan pasukan bagi membentera kes-kes kritikal seperti sindiket tonto ini telah berjaya menahan seramai 15 orang tonto dan menyita sebanyak 13 buah kenderaan tonto.
3. Daripada siasatan yang dibuat, mereka yang ditangkap dikenalpasti sebagai dalang dan ketua sindiket terancang kepada tonto. Kesemua mereka yang ditahan akan diambil tindakan dan didakwa dibawah Kanun Prosedur Jenayah dan Akta Pencegahan Jenayah (POCA).
4. Tujuan Ops Cantas Khas Tonto diadakan adalah untuk memerangi dan melumpuhkan jenayah yang dilakukan oleh sindiket tonto yang memberi ancaman kepada keselamatan awam. Sindiket tonto ini melindungi dan memberi maklumat kepada pengusaha lori yang

melakukan kesalahan membawa lebih muatan dan muatan berbahaya daripada ditahan oleh agensi penguatkuasa.

5. Selain itu, operasi ini juga dilakukan bagi membentras kesalahan jenayah yang memberi ancaman kepada nyawa anggota penguatkuasa yang menjalankan tugas penguatkuasaan serta mengakibatkan kerosakan harta benda awam.

6. Berdasarkan daripada laporan dan siasatan yang diterima, sindiket tonto ini melakukan pelbagai jenayah berat demi melindungi penguasaha lori yang melanggar peraturan jalan raya. Jenayah yang dilakukan seperti merosakkan kenderaan awam, membuli, menyerang, mengugut serta cubaan memberi suapan kepada anggota yang menjalankan tugas penguatkuasaan.

7. Jenayah yang dilakukan oleh sindiket tonto ini telah menyebabkan kerugian yang besar kepada negara. Kerugian yang ditanggung oleh kerajaan melibatkan pelbagai aspek seperti ketirisan hasil cukai negara dan kerugian bagi pembangunan semula kerosakan harta benda awam.

8. Daripada pemantauan yang dibuat ke atas 2,000 buah lori di sekitar Lembah Klang yang melakukan kesalahan membawa lebih muatan, didapati lori-lori tersebut tidak memiliki cukai jalan yang sah, namun tetap beroperasi kerana telah dilindungi oleh sindiket tonto. Daripada jumlah tersebut dianggarkan kerugian sebanyak RM12 juta setahun bagi ketirisan hasil cukai negara.

9. Dalam pada itu, Jabatan Kerja Raya menganggarkan kos yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi membaik pulih kerosakan jalan raya

yang disebabkan kenderaan yang membawa lebih muatan adalah sebanyak RM100 juta setahun.

10. Bagi memastikan jenayah tonto ini dapat dibentras dan dilumpuhkan secara menyeluruh diseluruh negara. Agensi Penguatkuasa akan sentiasa bergerak sebagai satu pasukan. Oleh itu, JPJ melalui Pasukan Tindakan Khas (PTK) bersama-sama D7 PDRM akan terus merancang dan menggempur jenayah tonto dalam siri Ops Cantas Tonto yang seterusnya.

**DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**DATO' SRI MOHMAD BIN SALLEH
PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH
PDRM**

3 MEI 2016

Unit Komunikasi Media | Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia

Tel: 03-88928103

email: pro.hq@jpj.gov.my

Laman Web: www.jpj.gov.my

[TAMAT]